

## FIMM terbit buku untuk calon PRS

**Persekutuan** Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) menerbitkan buku Panduan Pengajian Peperiksaan dalam bahasa Melayu dan Mandarin selain daripada bahasa Inggeris untuk calon peperiksaan Skim Persaraan Swasta (PRS).

Calon yang lulus peperiksaan berkenaan akan diberi kebenaran menjadi perunding, selain bagi industri unit amanah.



Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nazaruddin Othman, berkata buku itu penting kerana peperiksaan PRS memainkan peranan penting bagi memastikan piawaian profesionalisme industri terbabit.

“Tidak fasih dalam mana-mana bahasa tidak seharusnya menjadi penghalang kepada individu yang berminat untuk terus mengembangkan kerjaya dalam bidang ini,” katanya dalam satu kenyataan, di Kuala Lumpur, semalam.

Buku Panduan Pengajian Peperiksaan diterbitkan dalam tiga bahasa itu, akan membantu calon membuat persediaan dalam peperiksaan berkenaan untuk

“*Tidak fasih dalam mana-mana bahasa tidak seharusnya menjadi penghalang kepada individu yang berminat untuk terus mengembangkan kerjaya dalam bidang ini*”

**Nazaruddin Othman,**  
Ketua Pegawai Eksekutif FIMM

menjadi perunding yang berkelayakan.

Antara bahagian dalam buku panduan berkenaan ialah mengenai struktur dan ciri PRS serta rangka pengawalseliaan.

Ia termasuklah bahagian pelaburan skim, pengedar dan perunding PRS.

Buku itu pertama kali diterbitkan pada 2012 apabila peperiksaan PRS diperkenalkan.